



Dadah RM34 juta dirampas

Oleh : BERNAMA

Tarikh : December 8, 2011

SEPANG - Pelbagai jenis dadah bernilai RM34 juta dirampas di Lapangan Terbang Kuala Lumpur (KLIA) dan Terminal Tambang Murah (LCCT), tahun ini.

Pengarah Kastam KLIA, Datuk M Govinden berkata, ia melibatkan 39 kes dengan jumlah 42 tangkapan pelbagai warganegara asing termasuk Malaysia.

"Ini adalah jumlah (statistik) bermula Januari sehingga ke hari ini (semalam), mereka yang kebanyakannya terdiri daripada warga asing cuba menyeludup masuk dadah ke negara ini dengan menggunakan pelbagai taktik dan helah.

"Bagaimanapun dengan menggunakan pengalaman dan pengetahuan yang kami ada kesemuanya berjaya diselesaikan" katanya.

Beliau berkata, bagi memperkuatkan lagi penguatkuasaan di kawasan KLIA dan LCCT, jabatan kastam akan sentiasa bekerjasama dengan pelbagai pihak berkuasa lain seperti polis.

Govinden berkata, kastam juga akan sentiasa menambah anggotanya dari semasa ke semasa untuk bertugas di kawasan KLIA dan LCCT bagi mengekang penyeludupan dadah.

Sementara itu, beliau berkata, dalam tempoh 16 hari bermula 20 November lalu, Kastam telah merampas 16.62 kilogram dadah jenis syabu bernilai RM4.15 juta dan dalam tempoh itu juga, lima warga asing ditahan bagi membantu siasatan.